

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20

Ekonomi negara kini dalam fasa pertumbuhan



Data KWSP tunjuk caruman kukuh, keahlian cecah paras tertinggi dalam sejarah

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ekonomi Malaysia kini bukan lagi berada dalam fasa pemulihhan, sebaliknya dalam aliran pertumbuhan, demikian kata Ketua Pegawai Strategik Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Nurhisham Hussein.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan dalaman pengurusan dana persaraan itu, ekonomi negara sudah pulih dan keluar dari padah kemelut yang dicetuskan pandemik COVID-19.

Katanya, data KWSP menunjukkan pasaran tenaga kerja di

Malaysia kukuh dengan caruman secara keseluruhan meningkat dan jumlah majikan yang mendaftar juga meningkat, menandakan pemulihan sektor pekerjaan dan perniagaan.

"Data yang kita ada di KWSP menunjukkan ekonomi sudah pulih. Syarikat juga sudah pulih. Kita sudah melepas fasa pemulihan sejak tahun lalu lagi.

"Caruman juga kukuh dan keahlian meningkat dengan ahli aktif tahun lalu berjumlah 8.4 juta, paras tertinggi dalam sejarah," katanya kepada BH dalam satri temu bual di Shah Alam baru-baru ini.

Dalam tempoh sembilan bulan 2022, KWSP mencatatkan pertumbuhan jumlah caruman yang kukuh dengan kenaikan sebanyak 15.8 peratus berbanding tempoh sama 2021.

Pendaftaran majikan baharu pula meningkat 29 peratus pada 2022 berbanding 2021, sejajar dengan perkembangan ekonomi, hasil langsung daripada pembukaan penuh ekonomi, termasuk

sempadan antarabangsa pada 2022.

Jana peluang pekerjaan

Nurhisham berkata, prestasi memberangsangkan dicatatkan itu dipacu oleh pembukaan semula ekonomi negara dan perniagaan, yang menjana peluang pekerjaan selepas terkesan pandemik sejak 2020.

Namun begitu, beliau berkata,

ta, masih ada sektor yang belum pulih sepenuhnya iaitu penginapan, yang mana sektor berkenaan dijangka pulih dengan kemasukan pelancong China-susulan pembukaan semula ekonomi negara itu.

Data terkini menunjukkan ekonomi Malaysia terus berkembang pada suku terakhir 2022 berikutan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, justeru

pertumbuhan 2022 dijangka melebihi julat unjuruan awal, iaitu 6.5 peratus hingga 7.0 peratus.

Peralihan kepada fasa endemic dan pembukaan semula sempadan antarabangsa pada 1 April 2022 adalah antara faktor yang memacu momentum pertumbuhan ekonomi sepanjang 2022.

Selepas mencatatkan pertumbuhan positif 3.6 peratus pada suku keempat 2021, ekonomi Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan kukuh dengan berkembang 5.0 peratus pada suku pertama 2022.

Momentum positif itu berterusan dengan kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) terus berkembang pantas di luar jangkaan sebanyak 8.5 peratus pada suku kedua 2022 dipacu permintaan domestik, lantas menjadikan pertumbuhan pada separuh pertama 2022 sebanyak 6.9 peratus.

Ekonomi negara berkembang kukuh pada suku ketiga 2022 sebanyak 14.2 peratus, yang mana adalah pertumbuhan terbaik di Asia Tenggara pada suku itu.

● Data yang kita ada di KWSP menunjukkan ekonomi sudah pulih. Syarikat juga sudah pulih. Kita sudah melepas fasa pemulihan sejak tahun lalu lagi. Caruman juga kukuh dan keahlian meningkat dengan ahli aktif tahun lalu berjumlah 8.4 juta, paras tertinggi dalam sejarah ●



Nurhisham Hussein,
Ketua Pegawai Strategik KWSP